

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MESYUARAT
PERTAMA JAWATANKUASA PUSAT PERTAN-
DINGAN AL-QURAN TAHUN 1972, DI BILIK
GERAKAN PERDANA MENTERI, KUALA
LUMPUR PADA 14HB OGOS, 1972

Y.B. Tan Sri Syed Nasir, Pengerusi, Jawatankuasa Pusat Pertan-
dingan Al-Quran 1972; saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan IzinNya, saya dapat merasmikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Pusat Pertandingan Membaca Al-Quran 1972 yang juga dihadiri oleh wakil-wakil daripada negeri seluruh Malaysia pada pagi ini.

Sukalah saya pada kesempatan ini mengucapkan selamat datang dan terimakasih kepada saudara-saudara.

Sebagaimana kita maklum, Pertandingan Membaca Al-Quran telah menjadi suatu amalan tradisi yang dijunjung tinggi oleh rakyat dan negara kita. Pada tahun ini Pertandingan Peringkat Kebangsaan akan dimulakan pada 24 dan 25hb Oktober, 1972 dan disusul pada 26, 27 dan 28hb Oktober untuk Peringkat Antarabangsa. Menerusi Pertandingan ini, setiap tahun, Malaysia mendapat nama yang harum di sisi negara-negara Islam khasnya dan dunia amnya.

Pertandingan Antarabangsa tahun ini ialah kali yang ke empat belas dan sambutan daripada negara-negara Islam akan bertambah luas lagi dengan adanya beberapa negara sahabat baru yang ikut serta bersama-sama. Saya percaya dengan kerjasama negeri-negeri dan dengan usaha yang bersungguh-sungguh daripada Jawatan-kuasa Pusat pada tahun ini kita akan melihat suatu pertandingan yang lebih besar dan lebih meriah daripada tahun-tahun yang sudah-sudah.

Kerajaan memandang bahawa perbelanjaan yang diuntukkan bagi pertandingan ini tiap-tiap tahun merupakan suatu pelaburan modal yang suci maksudnya menyemai benih-benih ajaran Al-Quran dan rasa kasih kepada Al-Quran dalam jiwa dan hati segenap umat Islam.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sungguh berterimakasih atas segala usaha dan kerjasama yang telah diberikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh Malaysia untuk menjayakan Pertandingan ini setiap tahun. Saya percaya bahawa usaha kita pada tahun ini akan berlipat ganda daripada tahun yang sudah-sudah dan diharapkan demikian pula hasilnya.

Di samping menjalankan pertandingan seperti di masa-masa lampau, saya suka juga menyeru Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memberi perhatian kepada syor mengadakan pertandingan untuk kanak-kanak dan juga belia. Dengan berbuat demikian, benih ajaran Al-Quran itu boleh disemaikan dan tumbuh dengan subur di kalangan kanak-kanak dan belia.

Dalam hubungan ini, langkah Kementerian Pelajaran baru-baru ini menganjurkan Pertandingan Al-Quran dan Tafsiran di peringkat kanak-kanak sekolah sebagai acara Expo Pendidikan patutlah dipuji. Saya harap usaha menggalakkan bacaan Al-Quran melalui Pertandingan Membaca Al-Quran di kalangan anak-anak dan belia ini diberikan perhatian yang lebih besar di setiap negeri untuk menjadi satu feature baru dalam Pertandingan Tahunan bagi seluruh negara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita mendapat tahu bahawa jemputan telah pun dikirim kepada dua puluh satu buah negara sahabat untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Peringkat Antarabangsa tahun ini. Antaranya ada negara-negara baru termasuk Bangladesh, Mauritius dan Fiji selain dari negara-negara yang biasa diundang pada masa yang sudah-sudah. Saya gembira lima belas buah negara-negara Arab telah pun dijemput untuk menjadi pemerhati dalam Pertandingan tahun ini. Dengan yang demikian, pertandingan ini menjadi suatu jambatan penghubung di antara negara-negara Islam dan negara-negara lain di mana terdapat ramai penduduk-penduduk beragama Islam. Tegasnya, pertandingan ini menjadi tali muhibbah antara negara-negara yang berkenaan itu.

Patut juga saya katakan di sini iaitu pada satu masa dahulu ada cadangan hendak menukar-nukarkan tempat pertandingan ini di antara ibu-ibu negeri di Malaysia dan tidak hanya ditumpukan

kepada Ibu Negara Kuala Lumpur. Tetapi memandangkan kepada beberapa kesulitan yang sukar hendak diatasi maka cadangan itu tidaklah dapat dijalankan dan pertandingan tahun ini kenalah diadakan di Kuala Lumpur juga. Pertama sekali, memandangkan kepada kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh peserta-peserta dan dif-dif seperti tempat kediaman, pengangkutan dan lain-lain lagi supaya pertandingan ini sempurna kejayaannya.

Saya juga bersetuju dengan cadangan Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertandingan Al-Quran supaya kadar hadiah-hadiah untuk pemenang-pemenang ditimbang semula dan disesuaikan dengan taraf Pertandingan Bacaan Al-Quran ini yang kita tahu telah mencapai mutu yang tinggi. Dari itu, amatlah wajar diuntukkan hadiah yang lebih besar supaya menjadi perangsang dan galakan serta membesarkan minat peserta-peserta pertandingan ini untuk membaiki dan meninggikan mutu bacaan mereka.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam masa negara kita sedang giat dengan usaha-usaha pembangunan besar-besaran pada masa ini, maka amatlah sesuai Pertandingan Membaca Al-Quran ini dijalankan dengan cara besar-besaran sesuai pula dengan taraf dan suasana negara. Ini bermakna dalam masa mengejar kemajuan dan pembangunan material bagi masyarakat, kita serentak memupuk pembangunan moral dalam jiwa rakyat dan umat Islam seluruhnya. Inilah tujuan dan hikmat yang besar daripada Pertandingan Membaca Al-Quran ini dan saya berharap bahawa pertandingan ini akan memberi sebanyak-banyak ilham kesedaran kepada seluruh rakyat kita khasnya kaum Muslimin. Mereka akan insaf betapa pentingnya pembinaan moral yang berdasarkan kepada ajaran Tuhan itu menjadi asas dan tapak bagi pembangunan masyarakat Malaysia masa hadapan yang berpegang kepada prinsip-prinsip Rukunegara.

Akhirnya saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sekali lagi ucapan terima kasih bagi pihak Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah memberi kerjasama yang penuh dalam menjayakan Pertandingan Membaca Al-Quran ini di peringkat Negeri. Dengan kerjasama mereka itulah maka pertandingan di Peringkat Pusat ini dapat dijalankan dengan jayanya.

Marilah kita berdoa mudah-mudahan dengan berkat Allah dan petunjuk Al-Quran kita akan terus berjalan di atas jalan yang benar sehingga negara kita dan seluruh umat Islam mencapai cita-cita yang diredai Allah di bawah sinar ajaran-ajaran Al-Quran yang maha suci itu.

Terimakasih.